



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)

MODUL PENILAIAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019
GEOGRAFI Kertas 1

2280/1

1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Modul Latihan Berfokus ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

[Lihat halaman sebelah


SULIT

Berikut adalah ciri-ciri satu lapisan atmosfera.

- Altitud melebihi 600 km
- Atmosfera yang paling tinggi
- Semakin hampir dengan angkasa lepas, udara semakin nipis
- Mengandungi gas helium dan hidrogen

1 Ciri-ciri di atas merujuk kepada lapisan atmosfera

- | | |
|--------------|---------------|
| A troposfera | C eksosfera |
| B mesosfera | D stratosfera |



RAJAH 1

2 Apakah lapisan X dalam rajah 1 di atas?

- | | |
|-------------|---------------|
| A Sial | C Astenosfera |
| B Barisfera | D Teras bumi |

3 Di lapisan bumi manakah terdapat arus perolakan yang menyebabkan berlakunya pergerakan seperti gempa bumi?


- | | |
|--------------|---------------|
| A Mantel | C Kerak Bumi |
| B Teras luar | D Teras Dalam |

4 Apakah faktor yang menyebabkan luluhawa mekanika memberikan kesan yang besar di kawasan gurun panas?

- A Perubahan suhu yang ekstrem
- B Kelembapan udara yang tinggi
- C Taburan hujan yang rendah
- D Batuan lembut

5. Apakah kepentingan luluhawa kimia kepada ekonomi Malaysia ?

- A Menghasilkan batu granit untuk sektor perindustrian
- B Membentuk gua batu kapur sebagai lokasi pelancongan
- C Menghasilkan garam mineral untuk kegiatan pertanian
- D Mempercepatkan aktiviti kuari iaitu pemecahan bongkah batuan



6. Berdasarkan rajah di atas, kejadian air pasang perbani berlaku pada kedudukan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Peredaran bumi menyebabkan berlakunya kejadian

- A Kejadian empat musim
- B Pasang surut air laut
- C Pembiasan angin lazim
- D Kejadian siang dan malam

- 21 Jun
- Kutub utara siang 24 jam

8. Maklumat di atas menunjukkan matahari tengah hari tegak di atas kepala pada garisan

- A Jadi
- B Antartik
- C Sartin
- D Khatulistiwa



- 9 Berdasarkan rajah di atas, apakah nilai longitud Bandar S?
- A 40°B B 40°T C 50°T D 50°B
- 10 Apakah langkah yang perlu diambil untuk mengelakkan kemusnahan terumbu karang?
- A Membina kawasan pelancongan
- B Mewartakan taman laut
- C Menempatkan tukun tiruan
- D Menggalakkan penggunaan kelong
- 11 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan usaha mengurangkan hakisan pantai?
- I Menambak laut
- II Membina struktur konkrit
- III Mengawal penebangan pokok bakau di tepi pantai
- IV Mendirikan petempatan berhampiran dengan pesisir pantai
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N
Suhu(°C)	27	28	29	29	29	28	28	28	28	28	28

SUHU BULANAN STESEN Y

- 12 Julat suhu tahunan stesen Y dalam jadual di atas ialah
- A 1°C C 2°C
- B 27°C D 29°C

13 Komponen ekosistem terdiri daripada

- I biotik
- II abiotik
- III bioteknologi
- IV antibiotik

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

14 Apakah kepentingan bakteria kepada rantai makanan dalam ekosistem?

- A Mengurangkan keasidan tanah
- B Membebaskan karbon dioksida
- C Mengurangkan kadar hakisan tanah
- D Menghasilkan nutrient kepada pengeluar




Peta 1

15 Kawasan berlorek dalam Peta 1 di atas mempunyai hutan

- A hutan gunung
- B hutan sekunder

- C hutan paya bakau
- D belukar



16 Apakah kumpulan haiwan yang terdapat dalam ekosistem hutan di atas?

- | | | | |
|---|-------------------|---|------------------|
| A | Pengeluar | C | Pengguna primer |
| B | Pengguna sekunder | D | Pengguna tertier |

17 Antara berikut, yang manakah benar tentang ciri-ciri Hutan Hujan Tropika?

- I Malar hijau dan tumbuh rapat-rapat
- II Tumbuh secara berdirian tulen
- III Menggugurkan daun pada musim luruh
- IV Terdapat pelbagai jenis flora dan fauna

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

18 Aktiviti manusia manakah yang meninggalkan kesan negatif terhadap cuaca tempatan?

- | | | | |
|----|------------------|-----|----------------------------|
| I | Tanaman Bergilir | III | Pembakaran bahan api fosil |
| II | Penghutan Semula | IV | Pembuangan sisa toksid |

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

19 Mengapakah matahari penting kepada sesebuah ekosistem?

- A Kerana matahari membekalkan vitamin C kepada sesetengah hidupan
- B Kerana matahari dapat menentukan tumbesaran pokok-pokok
- C Kerana matahari membekalkan sumber tenaga asas
- D Kerana matahari membekalkan sumber makanan



20 Apakah kegiatan manusia yang mungkin dimaksudkan dalam maklumat di atas?

- A Penambakan laut atau pinggir pantai
- B Penyahhutan dan pembakaran terbuka
- C Penyemburan racun serangga dalam pertanian
- D Pertambahan ladang kelapa sawit

21 Berikut adalah lokasi petempatan kurang penduduk di Malaysia,

- Kapit, Sarawak
- Gua Musang, Kelantan

Mengapakah kawasan di atas kurang didiami penduduk?

- | | |
|---------------------|------------------------|
| A Kawasan paya | C Kawasan perlombongan |
| B Kawasan pedalaman | D Kawasan berbukit |

22 Berikut adalah maklumat pertumbuhan penduduk negara R:

- Kadar kelahiran 2.6%
- Kadar kematian 0.5%
- Migrasi bersih 0.2 %

Berapakah kadar pertumbuhan penduduk negara R?

- | | |
|--------|--------|
| A 2.9% | C 1.9% |
| B 2.3% | D 1.5% |

23 Maklumat berikut adalah ciri kependudukan negara Y,

- Kadar kelahiran rendah
- Jangka hayat tinggi

Apakah jenis piramid penduduk yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- | | | | |
|---|-------------------|---|-------------------|
| A | Piramid Stabil | C | Piramid Peralihan |
| B | Piramid Progresif | D | Piramid Terganggu |

24 Apakah kesan kepada bandar utama di Malaysia akibat migrasi masuk?

- I Kadar jenayah meningkat
- II Peluang pekerjaan meningkat
- III Kawasan perindustrian bertambah
- IV Kemudahan infrastruktur terhad

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

25 Berikut adalah lokasi petempatan di Malaysia

- Bandar Sahabat, Sabah
- Bandar Tenggara, Johor

Pembukaan bandar di atas berkaitan dengan kegiatan ekonomi

- | | | | |
|---|---------------|---|--------------|
| A | perindustrian | C | perlombongan |
| B | pertanian | D | pelancongan |

26 Mengapakah kerajaan mewujudkan bandar satelit?

- I Menyediakan pangkalan tentera
- II Menyediakan kawasan perumahan baru
- III Menyediakan pusat perindustrian baru
- IV Membangunkan kawasan pertanian

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |


27 Apakah implikasi yang mungkin timbul akibat kepesatan proses urbanisasi kepada alam sekitar fizikal di Malaysia?

- | | | | |
|---|-----------------------|---|----------------------|
| A | Kesesakan lalu lintas | C | Pertumbuhan penduduk |
| B | Perubahan landskap | D | Peningkatan jenayah |

28 Antara berikut yang manakah sumbangan bandar kepada luar bandar?

- | | | | |
|----|---------------------------|-----|---------------------------|
| I | Menyediakan bekalan buruh | III | Memproses hasil pertanian |
| II | Membekalkan bahan mentah | IV | Memasarkan hasil industri |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

29 Peta di bawah menunjukkan kawasan Asia Tenggara



Kepentingan kawasan perairan X dalam peta di atas kepada Malaysia ialah

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|------------|
| I | memajukan aktiviti pelancongan | | |
| II | memendekkan laluan kapal | | |
| III | menggalakkan perikanan laut dalam | | |
| IV | membekal sumber air domestik | | |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

30. Bagaimanakah sistem telekomunikasi moden dapat membantu peningkatan ekonomi negara?

- A Meluaskan pasaran antarabangsa
- B Memajukan tahap perubatan negara
- C Meningkatkan daya pertahanan negara
- D Meningkatkan taraf pendidikan negara

31. Apakah kepentingan pengangkutan udara kepada pembangunan sosial Malaysia?

- A Meningkatkan eksport negara
- B Menggalakkan pelaburan asing
- C Memajukan industri pembuatan
- D Meningkatkan integrasi nasional

32. Berikut di bawah menunjuk pengangkutan awam di sebuah bandar Malaysia.

- LRT
- ERL
- MRT

Apakah kesan penggunaan sistem pengangkutan tersebut kepada penduduk bandar tersebut?

- A Menggalakkan pelancongan
- B Meningkatkan mobiliti penduduk
- C Meningkatkan integrasi penduduk
- D Mempercepatkan penghantaran barangan

33. Bagaimanakah usaha pemeliharaan sumber hutan telah dijalankan di Malaysia?

- I Mewartakan taman negara
- II Mewujudkan ladang hutan
- III Penanaman semula hutan
- IV Sistem Penebangan Terpilih

A I dan II


C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

- 34 Apakah kepentingan kepelbagaian biologi kepada ekosistem?
- | | |
|-----------------------|----------------------------|
| A Rantaian makanan | C Kawasan tadahan air |
| B Sumber bahan mentah | D Menggalakkan pelancongan |

- 35 Rajah di bawah menunjukkan tiga jenis produk.




Barangan di atas dihasilkan daripada eksploitasi sumber mineral

- | | |
|---------------|--------------|
| A gas asli | C petroleum |
| B bijih timah | D arang batu |
- 36 Apakah kesan penerokaan Hutan Hujan Tropika di Malaysia?
- | |
|---------------------------------------|
| A Memusnahkan banyak jenis tumbuhan |
| B Penebangan hutan yang bersih |
| C Memusnahkan pokok yang belum matang |
| D Pembinaan banyak jalan raya |
- 37 Antara berikut, manakah usaha yang telah dijalankan oleh Malaysia untuk menjamin bekalan air yang mencukupi?
- | | |
|--------------------------------------|--------------|
| I Mengawal pencemaran air | C II dan III |
| II Membina lebih banyak empangan | D III dan IV |
| III Meneroka bekalan air bawah tanah | |
| IV Menjalankan proses penyahgaraman | |
| A I dan II | |
| B I dan IV | |

38. Mengapakah pemindahan teknologi perlu bagi perkembangan industri pembuatan di Malaysia?

- A Meningkatkan daya pengeluaran
- B Membawa masuk kepakaran tempatan
- C Menjual teknologi Malaysia ke luar negara
- D Mengurangkan keperluan pekerja tempatan

39. Rajah di bawah menunjukkan jenis-jenis kegiatan ekonomi.



Merujuk rajah di atas a dan b ialah

- | | | | |
|----|---------------------|-----|--------------------------------|
| I | industri elektronik | III | industri pelancongan |
| II | industri petrokimia | IV | industri melombong bijih timah |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

40. Berikut adalah kerjasama serantau yang dianggotai oleh Malaysia.

- APEC
- AFTA

Mengapakah pakatan tersebut diwujudkan?

- A Menjamin kestabilan politik
- B Menggalakkan perdagangan terbuka
- C Mengembangkan kebudayaan
- D Memudahkan migrasi penduduk

KERTAS SOALAN TAMAT